



**NOTIS SEBUT HARGA
PEJABAT DAERAH DAN TANAH PORT DICKSON
(BAHAGIAN PEMBANGUNAN)**

Tarikh : 19 Jun 2023
Rujukan : PDPD.400-10/2Jilid.5(11)

Kontraktor-kontraktor **G2** dan yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor** adalah dipelawa untuk memasuki sebut harga berikut:

BIL	NO SEBUT HARGA	TAJUK KERJA	GRED / KATEGORI / PENGKUSUSAN	TARIKH TAKLIMAT SEBUT HARGA	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
1.	55/2023	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Menutup Semula Jalan Serta Lain Kerja Berkaitan Di Kampung Jimah Lama, Port Dickson	Gred : G2 Kategori : CE Kod Bidang : CE 01 & CE21	4 Julai 2023 (Selasa)	11 Julai 2023 (Selasa)
2.	56/2023	Kerja-Kerja Menyelenggara Jalan Dan Pembentung Serta Lain Kerja Berkaitan Di Kampung India Chuah Port Dickson		9.00 pagi hingga 10.00 pagi	12.00 tengah hari
3.	57/2023	Kerja-Kerja Menyelenggara Jalan Dan Pembentung Serta Lain Kerja Berkaitan Di Kampung Kebun Jimah Port Dickson		Ruang Legar, Tingkat 1 Pejabat Daerah Port Dickson	Ruang Legar, Tingkat 1, Unit Pembangunan, Pejabat Daerah Port Dickson

2. Kontraktor yang ingin menyertai sebut harga hendaklah berkumpul di **Ruang Legar, Tingkat 1, Pejabat Daerah Port Dickson** pada tarikh **4 Julai 2023 (Selasa)** jam **9.00 pagi** untuk pendaftaran taklimat sebut harga berkaitan kerja-kerja yang ditawarkan. Wakil adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

3. Sila bawa bersama Sijil Pengesahan Pendaftaran sebagai Kontraktor daripada **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)-Tarf Bumiputera, CIDB (Perakuan Pendaftaran), CIDB - Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kad Pengenalan dan Cop Syarikat**. Semua sijil pendaftaran hendaklah berkuatkuasa sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan dari tarikh tutup tawaran sebut harga**.

4.. Hanya kontraktor yang mempunyai kod bidang seperti dalam jadual sahaja dibenarkan masuk untuk mendengar taklimat.

5. Dokumen sebut harga boleh didapati di Tingkat 1, Unit Pembangunan, Pejabat Daerah Port Dickson pada ketetapan tarikh dan masa seperti berikut :

Tarikh	Hari	Masa	Harga Senaskah
4 – 11 Julai 2023	Isnin - Khamis	9.00 pagi – 12.00 tengahari 2.30 petang – 4.00 petang	RM30.00 (sebut harga kurang dari RM100,000.00)
	Jumaat	9.00 pagi – 11.00 pagi 3.00 petang – 4.00 petang	RM50.00 (sebut harga melebihi RM101,000.00)
WAKTU KAUNTER JUALAN SEBUT HARGA DITUTUP PADA : Sabtu, Ahad dan Hari Kelepasan Am Negeri Sembilan			

6. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di Tingkat 1, Unit Pembangunan PTPD sebelum jam **12.00 tengahari pada 11 Julai 2023 (Selasa)**.

7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebut harga yang paling rendah atau mana-mana sebut harga.

8. Kerajaan berhak membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya diperlukan tanpa memberi apa-apa alasan. Sebarang kos terpaksa ditanggung oleh pihak kontraktor kerana urusan sebut harga ini adalah menjadi tanggungjawab kontraktor sendiri.

9. Kerajaan berhak untuk **membatalkan** tawaran sebut harga ini sekiranya pihak kontraktor terlibat dalam membuat pakatan harga dengan kontraktor-kontraktor lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani.


(AHMAD SYAFIQ BIN AMIN)
Ketua Perolong Pegawai Daerah
b.p. Pegawai Daerah
Port Dickson

Tarikh : 19 Jun 2023

